

EL26130001

21 September 2020

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

**Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan RSPO ke atas Lebijaya Sdn Bhd**

Lebijaya Sdn. Bhd. memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (Malaysia National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 (MYNI 2019)).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Lebijaya Sdn. Bhd.

Berikut adalah maklumat mengenai Lebijaya Sdn. Bhd. dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.:

Lebijaya Sdn. Bhd. (No. Keahlian: 1-0297-20-000-00 / No. ID RSPO: RSPO\_PO1000011247).

Lebijaya Sdn. Bhd. terletak di Kinabatangan, Sabah dengan keluasan 247.50 hektar dan kawasan itu ditanam sejak tahun 2002. Ladang ini dikelilingi dengan ladang kelapa sawit yang lain seperti Hap Seng Plantations Holdings Berhad, IOI Unico Desa, Harus Abadi Sdn Bhd dan ladang pekebun kecil. Ia berjarak sekitar 75km dari bandar Lahad Datu dengan 1 hingga 2 jam perjalanan.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02  
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03  
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01  
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02  
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 03012014 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 MDQMS 30092015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPQ 25072017 CB 05  
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025  
CALIBRATION / TESTING  
SAMM NO.085 SAMM NO.086  
SAMM NO.087 SAMM NO.219  
SAMM NO.735 SAMM NO.240  
SAMM NO.734 SAMM NO.377

MS ISO/IEC 17020  
MIBAS NO. 003

074

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan penilaian Lebijaya Sdn. Bhd. bermula dari 21 October 2020 sehingga 23 October 2020. Standard of Malaysia National Interpretation 2019 of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Lebijaya Sdn. Bhd. terletak di Kinabatangan, Sabah, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Zulfakar Kamaruzaman	Ketua Juruaudit / Isu Sosial SC dan Isu HCV	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS.</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus “RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification 2016</li> </ul>
Selvasingam T. Kandiah	Juruaudit / Isu Amalan Perladangan Baik dan TBP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Pertanian - Universiti Sains Pertanian, Hebbal, Bangalore, India (1969-1973).</li> <li>• Peladang bersama Kumpulan Guthrie Berhad (1995-2002) termasuk satu tahun di Liberia dan 2 tahun di Jabatan Estate di Guthrie Group Berhad (HQ).</li> <li>• Pengalaman dalam urusan: Nurseri: getah dan koko Kawasan tidak matang: penanaman koko semula , penanaman getah semula &amp; penanaman kelapa sawit semula Kawasan: koko, getah &amp; kelapa sawit.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Jururaudit Bersepadu Kualiti, Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> </ul>
Dzulfiqar Azmi	Juruaudit/ Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Isu Alam Sekitar dan GHG	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah Perladangan dan Teknologi Pengurusan (Kepujian) - Universiti Teknologi MARA</li> <li>• Pengalaman selama lebih 6 tahun bekerja berkaitan dengan Ladang Kelapa Sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan Ketua Juruaudit Integrated Management Systems (IMS) ISO 9001, ISO 14001 &amp; ISO 45001 Exemplar Global Certified</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.</li> </ul>

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

**Kamini A/P Sooriamoorthy**

atau **Mr. Chang King Soon**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,  
No. 1, Persiaran Dato' Menteri,  
40700 Shah Alam, Selangor,  
Malaysia.

Director

Lebijaya Sdn Bhd  
P.O.Box 812,  
90709 Sandakan,  
Sabah  
Malaysia

Telefon : +603 5544 6448

Faks : +603 5544 6763

Email : kamini@sirim.my

Telefon : +6016 7114317

Faks : -

Email : youlai91@gmail.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



**(KAMINI A/P SOORIAMOORTHY)**

Ketua Seksyen,  
Makanan, Pertanian & Perhutanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

## LAMPIRAN

### Lampiran 1

Maklumat mengenai Lebijaya Sdn. Bhd.

<b>LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA</b>						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Lebijaya Sdn Bhd	CL 095332228, Litang, Kinabatangan, Sabah, Malaysia	5°21'38.934"N	118°31'1.619"E	126.83	121.46	4,000.00
Total				<b>126.83</b>	<b>121.46</b>	<b>4,000.00</b>